

19 NOV 2000

LID-Manfaat

PERKONGSIAN BESTARI LID BANYAK BAWA MANFAAT, KATA PAKAR PR

Oleh: Yong Soo Heong

LANGKAWI, 19 Nov -- Jika anda ingin tahu apa yang telah dicapai oleh Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) sehingga ini, maka Harvey Thomas mungkin antara beberapa orang terpilih yang boleh menunjukkan anda pencapaiannya.

Thomas, seorang juruperunding perhubungan awam dan presentasi telah menghadiri hampir kesemua program LID sejak lima tahun lepas.

Dan beliau bukan juru perunding biasa: beliau menyampaikan nasihat bagi mereka di kedudukan tertinggi -- presiden dan perdana menteri.

Bagi lebih sedekad, Thomas merupakan pegawai perhubungan awam bagi Parti Konservatif di Britain dan menyampaikan nasihat PR dan presentasi kepada bekas Perdana Menteri Britain, Dame Margaret Thatcher.

Sehinggakan beliau terselamat dalam satu serangan bom oleh IRA (Irish Republican Army) pada 12 Okt, 1984 apabila sebuah bom yang disasarkan pada Thatcher meletup di bawah katilnya! Beliau terus hidup untuk menceritakan kisah ini walaupun terjatuh lima tingkat dan terimbus di bawah runtunan untuk hampir dua jam!

Maestro PR berusia 61 tahun itu menulis sebuah buku, "In The face of Fear" untuk mengisahkan pengalaman beliau itu tetapi Thomas juga mempunyai sebuah manual hal ehwal awam yang diterbitkan pada 1995, "If They haven't Heard It-You Havent Said It" (Jika mereka tidak dengarnya-Anda Tidak Menyebutnya).

Oleh kerana pembabitannya bersama Commonwealth Partnership for Technology Management Ltd (CPTM), beliau terbabit dengan aktif sebagai wakil sumber LID. Dan beliau tahu dengan tepat apa yang berlaku di sekeliling dialog dan apa yang perlu dilakukan untuk memastikan ianya relevan.

Pertama dan paling penting, Thomas, yang pernah berkhidmat bagi Billy Graham Evangelistic Association, telah terpengaruh dengan konsep perkongsian bestari, dan menurutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi sumber inspirasi.

Thomas berpendapat dialog itu menampilkan banyak ciri moral dan praktikal dan potensi luas perangkaiannya mula menjadi kenyataan.

"Ia harus muncul sebagai sesuatu yang anda boleh jadikan sebagai kayu ukur," katanya.

Dengan berkata begitu, beliau ditanya satu persoalan andaian: Jika LID ialah perlumbaan 400 meter, di peringkat manakah peserta-pesertanya berada sekarang?

Dengan berhati-hati, Thomas berkata Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman and Datuk Dr Mihaela Smith, yang merupakan dua pelopor LID, besar kemungkinan akan berkata mereka telah sampai jarak 50-meter, ataupun 85 hingga 100 meter pertama.

Itu mungkin nampak sangat perlahan, tetapi kata Thomas ini bukan ganjil kerana berpendapat yang orang ramai hanya baru mula memahami konsep itu.

"Tetapi kuasa sebenar, dan peralihan pantas akan datang dalam baki 300 meter seperti dalam perlumbaan 400 meter sebenar," katanya.

Thomas menekankan yang kedudukan itu boleh dianggap baik walaupun dialog itu dimulakan lima tahun lepas kerana pada masa yang sama bidang yang diliputi oleh perkongsian bestari adalah luas.

Oleh kerana perkongsian bestari begitu besar, Dr Mahathir, Dr Omar dan Dr Smith boleh berbangga dengan apa yang tercapai sehingga ini daripada segi membawa bersama rakyat pelbagai negara demi manfaat semua.

Dalam meninjau langkah berjaga-jaga ke arah perkongsian bestari, Thomas

berkata ia mengambil sedikit masa bagi orang ramai membiasakan diri dengan sesuatu idea baru.

Beliau percaya dalam kebanyakan senario urusanniaga biasa, satu pihak mahu mengaut keuntungan sementara yang satu lagi pula terpaksa menanggung kerugian.

"Objektif perkongsian bestari ialah bagi mereka menyatakan, 'Hey, tunggu sebentar, kita boleh sama-sama untung. Apa lagi, Kita bukan sahaja boleh menang bersama tetapi boleh membuat sumbangan signifikan kepada ekonomi negara kita."

Thomas percaya yang selain daripada isu-isu yang nyata, juga terdapat banyak isu-isu tidak nyata seperti perangkaian antara pemimpin-pemimpin, ahli perniagaan dan antara kerajaan dengan sektor swasta yang mempunyai kuasa untuk menjadikannya nyata.

Walaupun kebanyakan daripada perbincangan dan urusanniaga adalah atas dasar satu-satu, Thomas berpendapat yang mereka yang perjuangkan perkongsian bestari harus proaktif kepada idea menggunakan media untuk berkomunikasi dengan berkesan dengan majoriti penduduk.

Memandangkan Thomas pernah terbabit dalam pelbagai program PR yang berjaya, beliau tahu apa yang dikatakannya.

Dan beliau berpendapat pelbagai tema dan tindakan hasil daripada dialog itu harus dibawa ke hadapan dan dinilai, bukan sahaja daripada segi wang, tetapi juga daripada segi manfaat nyata dan tidak nyata dalam situasi "saling menguntungkan".

-- BERNAMA

SHY PR